

25/01/2001

Al-Quran menuntut manusia supaya berdamai

Jahamy

APABILA matlamat politik semata-mata menjiwai hati dan pemikiran seseorang, maka pertimbangan perkara lain yang penting akan diketepikan. Di sinilah letaknya bahaya politik dan orang politik.

Melihat kepada sejarah manusia serta perkembangan semasa dalam dan luar negara, tidak keterlaluan jika ada yang menuduh orang politik sebagai pencetus huru-hara dalam masyarakat.

Kerap kali hanya semata-mata untuk mempengaruhi pengundi atau mempertokohkan diri sendiri, isu akan dicipta dan diapi-apikan semata-mata bagi kepentingan politik peribadi atau parti.

Ada kalanya pula orang politik tidak akan menyertai suatu kegiatan yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat sekiranya mendatangkan kesan politik buruk kepada pengaruh mereka.

Ahli politik sebegini perlu beringat kepada amaran Allah yang bermaksud: "Janganlah kamu berbuat bencana di muka bumi, sesudah baiknya. Mintalah kepada-Nya dengan ketakutan dan harapan. Sesungguhnya rahmat Allah amat dekat dari orang-orang yang berbuat kebaikan". (Surah al-Araaf, ayat 56).

Ayat itu terkena kepada semua manusia, tidak kira sama ada dirinya orang beriman atau tidak beriman kepada Tuhan.

Bagi orang yang menganuti addin Allah, maka ia tentu akan beriman kepada ayat itu serta kepada ajaran Allah yang lain. Selanjutnya Allah mengajar manusia bahawa umat yang beriman kepada Allah adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia.

Ini kerana umat ini akan menyuruh yang maaruf (yang baik-baik) dan melarang daripada yang mungkar. Kita boleh mengambil iktibar daripada firman Allah yang bermaksud: "Adalah kamu sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia, (supaya) kamu menyuruh dengan maaruf dan melarang dari yang mungkar, serta beriman kepada Allah. Kalau berimanlah ahli kitab, nescaya lebih baik bagi mereka, tetapi sesetengah mereka itu beriman dan kebanyakan mereka fasik". (Surah Ali Imran, ayat 110).

Beriman kepada Allah bukan sesuatu yang boleh wujud dalam kekosongan. Beriman kepada Allah sudah tentu bermakna beriman (atau percaya) kepada ayat Allah dan berusaha sedaya upaya untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Allah mengajar kita banyak perkara dalam al-Quran termasuk cara untuk hidup bersama manusia lain, termasuk pembahagian harta, kewajipan kepada anak yatim, hak wanita dan lelaki, ketekunan dan bertolak ansur.

Salah satu daripada perkara penting yang ditekankan oleh Allah dalam al-Quran ialah perpaduan ummah. Allah melarang kita daripada berpecah-belah seperti firmannya yang bermaksud: "Berpeganglah kamu sekalian kepada tali Allah dan janganlah kamu berpecah-belah dan ingatlah akan nikmat Allah (yang diberikan-Nya) kepadamu, ketika kamu telah bermusuhan, lalu dipersatukan-Nya hatimu, sehingga kamu menjadi bersaudara dengan nikmat-Nya dan adalah kamu di atas pinggir lubang neraka, lalu Allah melepaskan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, mudah-mudahan kamu menerima petunjuk." (Surah Ali Imran, ayat 103).

Amat jelas sekali ayat itu meminta berpegang kepada tali Allah dan tidak berpecah. Selanjutnya ayat itu menggambarkan keadaan yang mana Allah menyatukan hati musuh sehingga timbul kasih sayang antara mereka.

Perpaduan adalah suatu nikmat daripada Allah. Ini boleh diertikan bahawa kita tidak boleh berputus asa kepada rahmat Allah bahawa umat yang mungkin mengalami keretakan boleh pulih bersatu kembali.

Sebaik-baik kesatuan umat ialah umat yang mahu berpegang kepada ajaran Allah. Berdasarkan pandangan ini, pelawaan untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah suatu pelawaan kepada yang maaruf.

Kita perlu mengambil iktibar daripada firman Allah yang bermaksud: "Sesungguhnya ini, umat kamu (hai Muhammad) adalah umat yang satu, dan Aku Tuhanmu, sebab itu sembahlah aku. (Namun) mereka itu bergolong-golongan sesamanya dalam urusannya. Masing-masing (mereka) kembali kepada Kami". (Surah al-Anbiya, ayat 92 hingga 93).

Mengapa pemimpin kita tidak boleh duduk semeja untuk membincangkan perpaduan Melayu? Tidak dinafikan bahawa pelbagai pendapat diutarakan. Ada yang mengatakan umat Melayu berpecah dan ada yang mengatakan mereka tidak berpecah.

Tanpa berpihak kepada Umno, sekiranya Umno berpendapat bahawa umat Melayu berpecah, bukankah ini bermakna bahawa ada satu bilangan besar orang Melayu yang berasakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan perhubungan di antara bangsa mereka sendiri?

Sikap kepemimpinan Pas dalam menyertai perbincangan ini perlu dipuji. Ini kerana ini mereka turut peka kepada masalah perpaduan rakyat Melayu. Adalah diharapkan bahawa walaupun Pas dan Umno adalah seteru politik, masing-masing akan mengambil iktibar daripada firman Allah yang bermaksud: "Orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, sebab itu perdamaikanlah antara dua orang saudaramu, dan takutlah kepada Allah, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat". (Surah al-Hujuraat, ayat 10).

Umno dan Pas perlu bersikap adil dan mengenenepikan agenda politik masing-masing dalam menangani masalah perpaduan Melayu. Janganlah membenarkan bisikan syaitan untuk kepentingan politik yang sempit menjauhkan kita daripada melakukan yang maaruf.

Pelawaan kepada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) untuk menyertai perbincangan itu bermakna Umno mengiktiraf bahawa walaupun Keadilan adalah parti pelbagai bangsa, namun ramai daripada ahli-ahlinya adalah orang Melayu.

Malangnya Keadilan menggunakan haknya untuk menolak pelawaan itu.

Inilah pertama kalinya kita dengar dalam negara ini bahawa suatu parti yang keahliannya daripada rakyat Melayu dan bukan Melayu berasakan ia tidak boleh menyertai suatu perbincangan yang berkaitan dengan rakyat Melayu.

Adakah ini bermakna bahawa jika suatu masalah seperti Nipah/JE virus tercetus yang membabitkan rakyat Cina amnya, maka Keadilan tidak akan menyertai suatu jawatankuasa yang ditubuh untuk menangani masalah ini atas alasan sama?

Apabila kita melihat kepada perkembangan sedemikian, kita amat hormat kepada jasa Lim Guan Eng dalam membela seorang perempuan Melayu tua.

Kita masih ingat bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mengabaikan tanggungja-wabnya dalam mempengerusikan jawatankuasa untuk menangani masalah virus Nipah/JE walaupun tidak membabitkan orang Melayu. Sebaliknya, ada pula orang Melayu sendiri yang memfitnah beliau ketika itu.

Itulah antara contoh sikap seorang rakyat Malaysia. Mungkin Umno juga perlu memanjangkan pelawaan kepada DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) untuk turut dalam menyelesaikan masalah perpaduan Melayu.

Suatu sikap manusia yang sangat pelik ialah menghalang perlakuan perkara yang baik dengan berhujah bahawa ada perkara baik lain yang perlu dilakukan. Tidak ada seorang pun yang akan membangkitkan sebarang cadangan jika tidak ada sesuatu yang baik dirancang. Samalah seperti apabila kita hendak berhenti merokok, orang lain akan menghalangnya dengan mengatakan: "bersenamlah dulu, kamu terlalu gemuk". Hakikatnya, kedua-duanya adalah

penting.

Beberapa pemimpin politik menyuarakan bahawa perpaduan negara perlu diutamakan. Pertimbangan perpaduan negara akan merangkumi perpaduan Melayu. Perhatian kepada perpaduan negara perlu sesuatu yang berterusan, terutama dalam masyarakat berbilang kaum.

Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa jika ada, umpamanya perpecahan di kalangan masyarakat Cina atau India, berdasarkan dialek atau keturunan, maka kita tidak boleh memberi perhatian kepada "Perpaduan Cina atau India". Sememangnya kita berdoa perkara seperti ini tidak akan berlaku kerana semua manusia adalah makhluk Allah. Namun, sekiranya ia berlaku, kita tidak boleh menggunakan alasan perpaduan negara untuk tidak meneliti dan menyelesaikan masalah perpecahan dalam sesuatu kaum.

Hakikatnya setiap bangsa sudah tentu mempunyai sifat atau masalahnya yang berpotensi memecahbelah atau menyatukan mereka. Sikap tidak mahu membincang atau menghalang perbincangan masalah yang dihadapi oleh bangsa lain adalah sikap yang mementingkan diri sendiri lahir daripada pemikiran sempit dan hati yang kecil.

Oleh demikian rakyat tidak perlu terpengaruh dengan hujah yang cuba menghalang usaha ke arah penyatuan umat, hanya semata-mata kerana pihak tertentu memperoleh faedah politik daripada perpecahan kaum.

Perkara penting ialah setiap saranan yang baik perlu disokong tidak kira parti politik mana yang menyarakannya.

Kita berharap mereka yang terbabit dalam perbincangan yang akan diadakan itu bersikap ikhlas dan akan menghasilkan sesuatu yang baik. Pemimpin ini juga perlu sentiasa insaf bahawa apapun permainan politik, mereka tidak akan terlepas daripada dipertanggungjawabkan oleh Allah.

Rakyat pula perlu sedar bahawa ada perkara yang lebih penting daripada politik, umpama hidup dengan manusia lain dengan sikap timbang rasa dan bantu-membantu diasaskan kepada sifat keperimanasiaan.

Janganlah kita membenarkan permainan politik menggugat perkara ini.

(END)